



Ruj Kami: JANM.JHR.600-1/4/2(55)

Tarikh : 30 Julai 2026

15 Safar 1448H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENYELESAIAN RESIT YANG MASIH BELUM DIBUAT PENYATA
PEMUNGUT DAN DIBANKKAN BAGI BULAN JULAI 2026**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, **Para 12.5: Lampiran B, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2025** dan dengan **Arahan Perbendaharaan 78(b)** telah menetapkan bahawa semua terimaan tanpa mengambil kira jumlah, perlu dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan pada hari terakhir bekerja dalam tempoh perakaunan bulanan atau apa-apa tempoh perakaunan yang lebih singkat sebagaimana ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia. Berdasarkan semakan Jabatan ini sehingga 30 Julai 2026, masih terdapat resit tertunggak yang belum diperakaunkan dan diperbankkan melibatkan Jabatan di bawah seliaan YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan seperti di **Jadual 1**.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan adalah bertanggungjawab memastikan semua resit bagi tempoh **01 sehingga 31 Julai 2026** diperakaunkan dan dibankkan pada **31 Julai 2026 (Jumaat)**. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan amat diharapkan bagi memastikan pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan dan SPANM yang berkuatkuasa.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Pegawai Unit Pengurusan Dana, En Norizwan bin Mohamad Noor di talian 07-2249244 samb. 1078 atau email kepada dana_jhr@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD SUFFIAN BIN ARIS C.A.(M))

b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor